



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	20/2/2019	MUKA SURAT	: 13
JABATAN	:	KATS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Peliharaan khazanah alam sekitar

Wujud pelbagai pencemaran, kerosakan alam sekitar akibat sikap manusia

KUALA LUMPUR

Dalam meniti arus pembangunan dan penggunaan pesat negara, Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah, seluruh rakyat Malaysia mestilah bertanggungjawab memelihara khazanah alam sekitar.

Sebagai khalfah yang berperanan memelihara persekitaran di bumi ini, baginda bertitah, tugas itu bukan hanya digalas oleh kerajaan semata-mata tetapi rakyat jelata mestilah turut sama

menbuddayakan sikap dalam aspek penjagaan alam sekitar.

"Mutakhir ini wujud pelbagai pencemaran dan kerosakan kepada alam sekitar akibat sikap dan kelemahan manusia sendiri. Kita sering kali terlupa alam sekitar adalah komponen utama dipertulkan bagi kehidupan yang selesa.

"Maka, saya ingin mengajak setiap lapisan masyarakat tanpa mengira darjat mahupun bangsa dan agama untuk bersatu padu di dalam melestarikan serta menjaga alam sekitar," titah baginda pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) kepada 200 penerima sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 di Istana Negara, semalam.

Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Ma-



Al-Sultan Abdullah bertitah pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan, semalam.

munah Iskandarariah mengiringi keberangkatan Seri Paduka pada majlis yang diadakan di Balairung Seri. Turut hadir, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti

Hasnah Mohd Ali.

Menyifatkan sambutan Hari Wilayah Persekutuan ke-15 membawa pengertian besar, sementelah ia yang pertama buat Al-Sultan Abdullah dan Tunku Azizah

berangkat hadir setelah dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 pada 31 Januari lalu, Seri Paduka melahirkan rasa bangga dengan kepesatan Wilayah Persekutuan.

"Semoga Kementerian Wilayah Persekutuan dan kerajaan saya di bawah pimpinan Perdana Menteri yang luas pengalaman, akan terus memacu peningkatan taraf sosioekonomi rakyat dan melonjakkan nama Wilayah Persekutuan di pelusok dunia," titah Al-Sultan Abdullah.

Baginda turut melahirkan rasa bangga dengan sembah maulidman kejayaan projek 'River of Life' (ROL) yang diiktiraf sebagai satu daripada 'World's Top 10 Waterfront Districts' dan projek 'Iaman Tugu, satu inisiatif membanggakan dalam memelihara khazanah warisan alam.

Selain kesepaduan rakyat memelihara alam sekitar,

Yang di-Pertuan Agong bertitah, perpaduan rakyat pelbagai kaum dan agama hendaklah menjadi asas kehidupan bermasyarakat di negara ini dan dalam mendepani hari-hari mendatang.

Memetik strah Rasulullah yang meletakkan perpaduan asas utama dalam membentuk negara dan sentiasa menyantuni umat tanpa mengira bangsa dan darjat, pertidjadihkan ikhtibar. Al-Sultan Abdullah melahirkan keyakinan Malaysia akan mengukir kejayaan lebih cemerlang apabila berupaya melintasi jurang perbezaan dan membentuk perpaduan jitu.

Sementara itu, baginda turut mengingatkan penerima darjah kebesaran supaya menjaga maruah, integriti dan nama baik diri bagi meningkatkan kemuliaan dan maratabat anugerah yang diterima.